



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN DAN SIKAP MAHASISWA TERHADAP ORANG KURANG UPAYA

THE ASSOCIATION BETWEEN KNOWLEDGE AND ATTITUDES TOWARDS PERSONS WITH DISABILITIES AMONG UNIVERSITY STUDENTS

Husna Muzhirah Norrasmi¹, Suziyani Mohamed^{2*}

¹ Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: A189910@siswa.ukm.edu.my

² Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: suziyani@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2025

Revised date: 15.10.2025

Accepted date: 13.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Norrasmi, H. M., & Mohamed, S. (2025). Hubungan antara Pengetahuan dan Sikap Mahasiswa terhadap Orang Kurang Upaya. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 194-206.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061015

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Salah satu halangan utama yang menghalang Orang Kurang Upaya (OKU) daripada melibatkan diri sepenuhnya dalam masyarakat ialah persepsi negatif terhadap mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa terhadap OKU. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan pendekatan kuantitatif. Responden kajian terdiri daripada 111 mahasiswa yang dipilih secara persampelan rawak mudah, merangkumi mahasiswa daripada setiap tahun pengajian di sebuah institut pendidikan tinggi awam di Malaysia. Instrumen kajian diadaptasi daripada kajian lepas dan mempunyai 21 item. Proses pengumpulan data telah dijalankan secara dalam talian dan data kajian telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan mahasiswa terhadap OKU berada pada tahap tinggi. Manakala analisis bagi pembolehubah sikap mendapati mahasiswa mempunyai sikap yang positif terhadap OKU. Ujian korelasi mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap yang positif terhadap OKU. Dapatan ini menunjukkan pengetahuan memainkan peranan penting dalam membentuk sikap positif mahasiswa terhadap OKU. Mahasiswa yang mempunyai pengetahuan yang baik cenderung bersikap lebih positif, terbuka, dan empati terhadap rakan OKU. Dapat disimpulkan bahawa pengetahuan mahasiswa mempengaruhi sikap mereka terhadap OKU. Kajian ini diharap dapat meningkatkan kesedaran mahasiswa untuk mengelakkan persepsi negatif terhadap OKU dan mendorong interaksi yang lebih baik walaupun terdapat perbezaan keupayaan.

Kata Kunci:

Pengetahuan, Sikap, Mahasiswa, Orang Kurang Upaya, Ketidakupayaan

Abstract:

One of the main barriers preventing Persons with Disabilities (PWD) from fully participating in society is the negative perception towards them. This study aims to examine the level of knowledge and attitudes of university students towards PWD. A survey research design and quantitative approach were employed. The study respondents consisted of 111 university students selected through simple random sampling, representing students from all years of study at a public higher education institution in Malaysia. The research instrument was adapted from previous studies and comprised 21 items. Data collection was conducted online, and the data were analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS). The findings revealed that students' knowledge of PWD was at a high level. Meanwhile, the analysis of the attitude variable showed that students had positive attitudes towards PWD. Correlation tests indicated a significant positive relationship between the level of knowledge and positive attitudes towards PWD. These findings suggest that knowledge plays an important role in shaping students' positive attitudes towards PWD. Students with greater knowledge tend to be more positive, open, and empathetic towards their peers with disabilities. It can be concluded that students' knowledge influences their attitudes towards PWD. This study is expected to raise students' awareness in order to reduce negative perceptions of PWD and to promote better interactions despite differences in ability.

Keywords:

Knowledge, Attitude, University Student, Persons With Disabilities, Disability

Pengenalan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 1.3 bilion (16%) daripada populasi dunia adalah terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU). Manakala, data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023 menunjukkan bahawa 674,548 rakyat Malaysia adalah OKU. Namun, hanya 36.3% daripada jumlah ini yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Statistik ini menunjukkan bahawa kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan mendapatkan kad OKU adalah rendah.. Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf kepentingan akses OKU kepada pendidikan melalui pewartaan Akta OKU 2008. Akta ini menegaskan bahawa OKU berhak mendapat pendidikan sama seperti warganegara yang lain. Selain itu, hak dan akses OKU terhadap pendidikan turut diperincikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Penguatkuasaan hak dan akses ini menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam memberikan peluang dan menyediakan perkhidmatan pendidikan yang adil kepada semua warganegara tanpa mengambil kira keupayaan mereka.

Pengetahuan yang mencukupi mengenai OKU adalah sangat penting bagi mengelakkan wujudnya diskriminasi yang tidak berasas kepada golongan ini (Darsini et al., 2019). Pengetahuan, pemahaman dan kesedaran yang terhad mengenai OKU serta liputan media yang tidak sensitif sering menyumbang kepada pandangan negatif masyarakat terhadap OKU (Noordeyana & Nur Aqilah, 2017). Bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap OKU adalah penting untuk memperbanyakkan penyaluran maklumat mengenai OKU

kepada masyarakat setempat melalui pelaksanaan program yang bersesuaian, samaada di sekolah mahupun di komuniti. Ini akan membantu mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap keperluan OKU dan meningkatkan penerimaan positif masyarakat terhadap OKU. Walaupun OKU mampu menjaga diri mereka sendiri, sokongan masyarakat adalah penting untuk mengurangkan tekanan yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian (Hafiz, 2024).

Namun begitu, pengetahuan yang mencukupi tidak dapat menjamin tindakan yang betul, kerana sikap individu turut dipengaruhi oleh emosi dan persepsi. Sikap merupakan gabungan emosi, nilai, budaya dan kepercayaan yang memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku seseorang (Intan et al., 2023). Kajian menunjukkan bahawa masih terdapat persepsi negatif terhadap OKU yang disebabkan oleh mitos dan andaian yang salah (Nur Amirah et al., 2022; Hazlin et al., 2017; Aizan, 2022). Sikap negatif ini bukan sahaja menjejaskan penerimaan OKU dalam masyarakat tetapi juga menjadi penghalang kepada OKU untuk mencapai potensi penuh mereka.

Dalam era globalisasi ini, perjuangan untuk memastikan hak pendidikan yang saksama dan berkualiti bagi semua lapisan masyarakat, termasuk OKU, menjadi semakin penting (Yasmin & Norshidah, 2022). Statistik daripada Kementerian Pengajian Tinggi (2022) menunjukkan bahawa hanya 792 mahasiswa OKU melanjutkan pelajaran ke universiti awam. Jumlah ini menunjukkan bahawa bilangan OKU yang melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar adalah masih lagi rendah. Salah satu halangan utama yang dikenal pasti adalah sikap negatif yang sering diterima oleh pelajar OKU (Norsaadah et al., 2017; Aizan, 2022). Disamping itu, pelajar OKU turut berhadapan dengan isu diskriminasi dan kurangnya sokongan dari rakan sekelas (Charmila et al., 2022).

Pengetahuan yang terhad dan kurang kesedaran mengenai OKU menyebabkan timbulnya prasangka yang berasaskan mitos dan stereotaip yang tidak berasas. Prasangka dan stereotaip ini seterusnya membawa kepada diskriminasi yang menyukarkan OKU untuk berintegrasi dan bergaul dengan baik dalam masyarakat (Aizan, 2022). Kajian ini bertujuan untuk, (i) mengenal pasti tahap pengetahuan mahasiswa mengenai OKU; (ii) mengenal pasti tahap sikap mahasiswa terhadap OKU; dan (iii) mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dan sikap mahasiswa mengenai OKU.

Kajian Kepustakaan

Orang Kurang Upaya (OKU) merujuk kepada individu yang mengalami ketidakupayaan dalam aspek fizikal, mental, intelektual, atau deria yang menghalang mereka daripada berfungsi secara penuh dan menyertai kehidupan masyarakat secara setara (Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 2023). Definisi ini turut diadaptasi di Malaysia melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang menjelaskan bahawa OKU termasuk mereka yang mempunyai kecacatan fizikal, penglihatan, pendengaran, dan intelektual yang memerlukan persekitaran serta perkhidmatan yang kondusif untuk menjalani kehidupan harian dan pendidikan mereka (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023).

Dalam konteks Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), pelajar OKU memerlukan akses kepada pendidikan yang inklusif serta persekitaran akademik yang menyokong. Pendidikan yang inklusif melibatkan usaha untuk memastikan pelajar OKU dapat belajar dalam persekitaran yang sama seperti pelajar lain, dengan penyesuaian yang sesuai seperti kemudahan fizikal, teknologi bantuan, dan bahan pembelajaran yang mudah diakses (United Nations

Educational, Scientific and Cultural Organization, 2022). Sokongan ini harus merangkumi interaksi sosial yang positif antara rakan sebaya dan tenaga pengajar untuk memastikan pengalaman pembelajaran yang holistik (Rahim et al., 2023). Laporan kajian berkaitan dengan OKU menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam kesedaran masyarakat terhadap pendidikan inklusif untuk OKU, banyak institusi pengajian tinggi masih menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan OKU. Kajian oleh Tan et al. (2021) melaporkan bahawa ramai pelajar OKU di IPTA menghadapi kekangan dari segi akses kepada kemudahan mesra OKU, serta stigma sosial yang menghalang integrasi mereka sepenuhnya dalam komuniti universiti.

Pengetahuan mahasiswa terhadap OKU merujuk kepada tahap kesedaran, kefahaman, dan pemahaman mereka tentang konsep, hak, keperluan, serta cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU. Menurut Azmi et al. (2023), pengetahuan melibatkan pemahaman asas terhadap definisi OKU, perundangan berkaitan seperti Akta OKU 2008, serta keperluan khas yang diperlukan oleh pelajar OKU dalam aspek akademik, sosial, dan fizikal. Mahasiswa yang mempunyai tahap pengetahuan tinggi tentang OKU cenderung menunjukkan sikap yang lebih positif dan sokongan yang lebih besar terhadap golongan ini. Kajian oleh Lim dan Wong (2022) menyatakan bahawa tahap pengetahuan mahasiswa memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi mereka terhadap keupayaan dan hak OKU. Pengetahuan yang baik membolehkan mahasiswa memahami kepentingan pendidikan inklusif serta menyedari keperluan untuk menghapuskan halangan sosial dan fizikal bagi memastikan akses yang adil kepada pendidikan. Sebaliknya, pengetahuan yang terhad menyumbang kepada stereotaip negatif dan diskriminasi terhadap pelajar OKU.

Pengetahuan mahasiswa terhadap OKU dikaitkan dengan pendedahan kepada maklumat melalui kursus, seminar, atau pengalaman interaksi langsung dengan rakan OKU (Mohd Faizal dan Siti Rahmah, 2021). Kajian menunjukkan bahawa IPTA yang menyediakan program kesedaran dan latihan kepada mahasiswa lebih berjaya dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang mesra OKU (Mohd Faizal dan Siti Rahmah, 2021). Selain itu, Mahmood et al. (2023) melaporkan bahawa pengetahuan yang terhad tentang OKU adalah berpunca daripada kurangnya pendedahan terhadap hak asasi golongan OKU, terutama berkaitan keperluan prasarana dan sokongan akademik. Pengetahuan mahasiswa terhadap OKU tidak hanya melibatkan pemahaman konsep, tetapi juga sejauh mana mereka menyedari tanggungjawab sosial untuk mendukung rakan OKU di universiti. Pengetahuan ini penting untuk menghapuskan stigma, memupuk penerimaan sosial, dan mempromosikan budaya pendidikan inklusif dalam IPTA.

Sikap mahasiswa terhadap OKU merujuk kepada pandangan, persepsi, dan perasaan mereka terhadap golongan OKU, yang boleh berbentuk positif, negatif, atau neutral. Sikap ini mencerminkan sejauh mana mahasiswa menghormati hak, menerima keberadaan, serta memahami keperluan pelajar OKU di IPTA. Sikap positif mahasiswa terhadap OKU lazimnya dikaitkan dengan pendedahan kepada maklumat mengenai hak OKU serta interaksi langsung dengan mereka, yang membantu membentuk empati dan penerimaan sosial (Azmi et al., 2023). Sebaliknya, sikap negatif boleh berpunca daripada stereotaip, kurang pengetahuan, atau pengalaman interaksi yang terhad dengan golongan OKU (Mahmood et al., 2022). Interaksi mahasiswa dengan OKU pula merujuk kepada hubungan sosial, komunikasi, dan kerjasama yang berlaku antara mahasiswa tipikal dengan mahasiswa OKU di kampus. Interaksi yang kerap dan berkualiti antara kedua-dua kumpulan ini mampu meningkatkan pemahaman dan

mengurangkan jurang sosial. Interaksi yang baik juga boleh membentuk sokongan emosi dan motivasi kepada pelajar OKU, selain memberi peluang kepada mahasiswa biasa untuk belajar tentang kepelbagaian serta nilai inklusiviti (Lim dan Wong, 2022). Mahasiswa yang kerap berinteraksi dengan rakan OKU lebih cenderung untuk memberikan sokongan sosial dan akademik, serta membantu dalam aspek mobiliti dan keperluan harian (Nurul dan Siti, 2023).

Namun, interaksi antara mahasiswa tipikal dan mahasiswa OKU sering kali terhalang oleh stigma sosial dan kekurangan inisiatif untuk memahami keperluan golongan ini. Mahasiswa yang mempunyai pandangan negatif terhadap OKU cenderung untuk menjauhkan diri daripada interaksi sosial dengan mahasiswa OKU, yang seterusnya menyukarkan usaha mewujudkan persekitaran inklusif di kampus (Mahmood et al., 2023). Oleh itu, program kesedaran dan pendidikan perlu dilaksanakan untuk membentuk sikap positif dan meningkatkan interaksi yang harmoni antara mahasiswa tipikal dan mahasiswa OKU. Sikap dan interaksi mahasiswa dengan OKU merupakan elemen penting untuk memastikan hak pendidikan inklusif dipenuhi. Sikap positif dan interaksi yang efektif bukan sahaja menyokong keberadaan OKU di IPTA, tetapi juga membantu mereka untuk menjalani kehidupan kampus dengan lebih baik, setara dengan pelajar lain.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk dan pendekatan ini dipilih kerana ianya sesuai bagi mengumpul data berkaitan pengetahuan dan sikap mahasiswa serta seterusnya mencapai objektif kajian. Sebuah universiti awam telah dipilih sebagai lokasi kajian dan teknik persampelan rawak mudah telah digunakan dalam pemilihan sampel kajian. Manakala perisian G*Power digunakan bagi menentukan saiz sampel bagi kajian.. Berdasarkan, analisis G*Power, jumlah sampel yang diperlukan bagi kajian ini adalah 111. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

Item	<i>n</i>	%
Jantina		
Lelaki	38	34.2
Perempuan	73	65.8
Umur		
18-22 tahun	39	35.1
23-27 tahun	61	55.0
28 tahun ke atas	11	9.9
Tahun Pengajian		
Tahun 1	22	19.8
Tahun 2	29	26.1
Tahun 3	21	18.9
Tahun 4	39	35.1

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian adalah soal selidik. Dimana soal selidik ini diadaptasi daripada kajian terdahulu yang bertajuk Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Orang

Kurang Upaya di Sebuah IPTA Di Malaysia (Hasnah et.al., 2016). Proses bagi mendapatkan kesahan kandungan telah dilakukan bagi memastikan soal selidik yang diadaptasi sah bagi mengukur pengetahuan dan sikap guru. Bagi tujuan ini, seorang pakar yang merupakan seorang pensyarah pendidikan khas di sebuah universiti awam dengan kelulusan ijazah doktor falsafah dan 10 tahun pengalaman telah dilantik bagi meneliti kandungan soal selidik. Cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh pakar telah diambil kira dalam menambahbaik soal selidik.

Soal selidik kajian terdiri daripada tiga bahagian iaitu, (i) Bahagian A: Demografi, (ii) Bahagian B: Persepsi dan (iii) Bahagian C: Sikap. Jumlah item yang terdapat dalam soal selidik ini adalah 21. Dimana, terdapat tiga item dalam Bahagian A, 10 item dalam Bahagian B dan lapan item dalam Bahagian C. Bagi penskoran, skala Likert 5-mata telah digunakan bagi Bahagian B dan Bahagian C dengan skor seperti berikut, (i) 1 = Sangat Tidak Setuju, (ii) 2 = Tidak Setuju, (iii) 3 = Tidak Pasti, (iv) 4 = Setuju dan (v) 5 = Sangat Setuju. Kajian rintis telah dijalankan bagi mengukur kebolehpercayaan soal selidik. Kajian rintis ini melibatkan 30 orang responden dan responden ini tidak tidak dilibatkan dalam kajian sebenar. Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, nilai alpha Cronbach bagi soal selidik adalah 0.798 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Soal selidik ini diedarkan menggunakan platform *Google Form* dan pautan kemudiannya dikongsikan kepada mahasiswa menggunakan aplikasi *WhatsApp*. Masa yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi adalah selama dua minggu. Data yang diperlohi kemudian dimasukkan ke dalam *Statistical Package for the Social Sciences* bagi proses analisis. Analisis statistik telah dijalankan bagi mendapatkan nilai min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi yang menggunakan ujian korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengkaji hubungan antara persepsi dan sikap.

Dapatan Kajian

Analisis deskriptif yang dijalankan mendapati responden mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai OKU dengan nilai $M = 4.01$ dan $SP = 0.581$. Analisis deskriptif bagi konstruk sikap pula menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif terhadap OKU dengan nilai $M = 3.97$ dan $SP = 0.641$. Maklumat lanjut mengenai hasil analisis bagi konstruk pengetahuan dan sikap dibincangkan dalam subtopik dibawah.

Pengetahuan Mahasiswa Mengenai Orang Kurang Upaya (OKU)

Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai OKU. Analisis deskriptif yang dijalankan mendapati majoriti responden memberikan maklum balas “setuju” dan “sangat setuju” terhadap sepuluh pernyataan berkaitan pengetahuan yang diajukan kepada mereka. Jadual 2 menunjukkan perincian maklum balas responden terhadap pernyataan mengenai pengetahuan OKU.

Jadual 2: Pengetahuan Mahasiswa Mengenai OKU

Kod	Item	n (%)				
		1	2	3	4	5
B1	Saya tahu maksud OKU	0	2 (1.8)	1 (0.9)	58 (52.3)	50 (45)
B2	Saya tahu kategori OKU	0	4 (3.6)	12 (10.8)	53 (47.7)	42 (37.8)
B3	Saya tahu hak OKU kepada pendidikan	0	3 (2.7)	7 (6.3)	61 (55)	40 (36)
B4	Saya tahu hak OKU kepada hak asasi manusia	31 (27.9)	31 (27.9)	3 (2.7)	27 (24.3)	19 (17.1)
B5	Saya tahu ciri-ciri persekitaran mesra OKU	0	13 (11.7)	14 (12.6)	52 (46.8)	32 (28.8)
B6	Saya tahu mengenai penggunaan teknologi bantuan	2 (1.8)	23 (20.7)	20 (18)	37 (33.3)	29 (26.1)
B7	Saya tahu konsep pendidikan inklusif	1 (0.9)	11 (9.9)	1 (0.9)	50 (45)	48 (43.2)
B8	Saya tahu cara berinteraksi dengan OKU	1 (0.9)	12 (10.8)	11 (9.9)	47 (42.3)	40 (36)
B9	Saya tahu semua universiti mempunyai fasiliti mesra OKU	1 (0.9)	12 (10.8)	0	58 (52.3)	40 (36)
B10	Saya tahu peranan masyarakat dalam membantu OKU	1 (0.9)	8 (7.2)	2 (1.8)	59 (53.2)	41 (36.9)

1 = Sangat Tidak Setuju, (ii) 2 = Tidak Setuju, (iii) 3 = Tidak Pasti, (iv) 4 = Setuju dan (v) 5 = Sangat Setuju

Sikap Mahasiswa Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU)

Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif terhadap OKU. Analisis deskriptif yang dijalankan mendapati majoriti responden memberikan maklum balas “setuju” dan “sangat setuju” terhadap lapan pernyataan berkaitan sikap yang diajukan kepada mereka. Jadual 3 menunjukkan perincian maklum balas responden terhadap pernyataan mengenai sikap terhadap OKU.

Jadual 3: Sikap Mahasiswa Terhadap OKU

Kod	Item	n (%)				
		1	2	3	4	5
C1	Saya menganggap pelajar OKU sama seperti pelajar lain	1 (0.9)	9 (8.1)	1 (0.9)	50 (45)	50 (45)
C2	Saya selesa berkawan dengan	1	8	2	57	43

Kod	Item	n (%)				
		1	2	3	4	5
	pelajar OKU	(0.9)	(7.2)	(1.8)	(51.4)	(38.7)
C3	Saya simpati terhadap keadaan pelajar OKU	1 (0.9)	5 (4.5)	1 (0.9)	51 (45.9)	53 (47.7)
C4	Saya tidak merasa malu untuk berkawan dengan OKU	1 (0.9)	7 (6.3)	0	48 (43.2)	55 (49.5)
C5	Saya tidak merasakan OKU melambatkan proses pembelajaran.	1 (0.9)	6 (5.4)	1 (0.9)	55 (49.5)	48 (43.2)
C6	Pelajar OKU dilayan dengan adil oleh pensyarah.	0	5 (4.5)	2 (1.8)	57 (51.4)	47 (42.3)
C7	Saya tidak merasakan sokongan akademik kepada OKU sebagai beban universiti.	29 (26.1)	35 (31.5)	0	11 (9.9)	36 (32.4)
C8	Saya merasakan pelajar OKU sangat berdikari dalam kehidupan mereka.	21 (18.9)	35 (31.5)	0	16 (14.4)	39 (35.1)

1 = Sangat Tidak Setuju, (ii) 2 = Tidak Setuju, (iii) 3 = Tidak Pasti, (iv) 4 = Setuju dan (v) 5 = Sangat Setuju

Hubungan antara Pengetahuan dan Sikap Mahasiswa Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU)

Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis korelasi Pearson antara pembolehubah pengetahuan dan sikap. Dapat analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan dan sikap mahasiswa terhadap OKU dengan nilai $r = 0.630$ dan $p < 0.001$. Nilai korelasi ini menunjukkan hubungan positif yang sederhana kuat. Di mana peningkatan tahap pengetahuan mahasiswa mengenai OKU menyumbang kepada peningkatan sikap yang lebih positif terhadap OKU.

Jadual 4: Korelasi antara Pengetahuan dan Sikap	
	Sikap
Pearson Correlation (r)	.630**
Sig. (2-tailed) (p)	<.001
N	111

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Perbincangan

Pelaksanaan program pendedahan di IPT memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai OKU. Program seperti seminar, bengkel serta projek komuniti terbukti berkesan dalam meningkatkan kesedaran mahasiswa mengenai golongan OKU (Ahmad & Tan, 2023). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan mahasiswa mengenai kategori OKU berada pada tahap yang rendah. Dapatan ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Kamarudin et.al (2022) yang turut melaporkan bahawa kesedaran mengenai

kategori OKU dalam kalangan pelajar di IPT masih lagi terhad. Hal ini disebabkan oleh kurangnya pendedahan terhadap kepelbagaian kategori OKU (Rahman & Ismail.2023).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai kesedaran mengenai hak OKU. Namun tahap kesedaran masih belum mencapai tahap yang menyeluruh. Pendidikan inklusif di Malaysia masih lagi menghadapi cabaran terutamanya berkaitan dengan penyediaan kemudahan yang mesra OKU di IPT (Ismail et.al. 2023). Bukan itu sahaja, akses kepada pendidikan yang setara juga masih lagi terhad di mana hanya penyediaan kemudahan fizikal sahaja tanpa penyesuaian kurikulum terhadap kepelbagaian OKU (Ahmad & Zainal.2024). Oleh yang demikian, tahap pengetahuan mahasiswa masih lagi perlu dipertingkatkan dengan melibatkan pelbagai pihak seperti NGO dan komuniti OKU. Hal ini kerana, mahasiswa/I perlu menerapkan nilai inklusiviti dalam kehidupan mereka. Melalui pendekatan yang betul, golongan OKU juga mampu untuk diterima dengan baik oleh masyarakat yang secara tidak langsung dapat memupuk hubungan sosial yang harmoni.

Kajian ini menunjukkan sikap mahasiswa terhadap OKU adalah positif. Meskipun mahasiswa menunjukkan sikap yang positif, namun ada segelintir yang menunjukkan pandangan yang negatif. Berdasarkan item C7, terdapat mahasiswa yang menyatakan bahawa sokongan akademik kepada OKU adalah beban kepada universiti. Persepsi ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kurang kesedaran mengenai keperluan khusus mahasiswa OKU dan anggapan bahawa penyediaan kemudahan khas memerlukan kos yang tinggi. Kajian terdahulu menekankan bahawa kakitangan akademik di universiti memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan kesedaran mahasiswa mengenai keperluan OKU (Hazlin et al., 2021). Kesedaran ini dapat mengubah persepsi negatif dan menggalakkan sokongan kepada pelajar OKU.

Selain itu, mahasiswa juga mempunyai persepsi bahawa mahasiswa OKU bergantung kepada rakan dalam kehidupan mereka di kampus. Hal ini kerana, mereka beranggapan bahawa mahasiswa OKU menyusahkan mereka dan melambatkan proses pembelajaran di bilik kuliah. Menurut Zainuddin dan Muhammad (2019), pengetahuan yang mencukupi tentang jenis ketidakupayaan akan dapat membantu untuk mengurangkan stereotaip dan pandangan negatif terhadap mahasiswa OKU. Berdasarkan pernyataan ini, dapat dilihat bahawa sikap seseorang dipengaruhi oleh pengetahuan yang mereka ada mengenai sesuatu perkara. Selain itu, sikap yang positif terhadap OKU dapat mewujudkan persekitaran yang inklusif sekaligus dapat memberi sokongan terhadap kejayaan OKU (Teo et.al. 2021).

Selain itu, penglibatan aktif mahasiswa dalam aktiviti sukarelawan juga memberikan impak yang positif terhadap sikap mereka kepada mahasiswa OKU (Shah et.al. 2022). Mereka yang terlibat secara langsung dengan OKU lebih cenderung untuk melabelkan OKU sebagai individu yang berkemampuan dan mempunyai potensi diri yang tinggi. Penglibatan secara langsung ini dapat meningkatkan penghargaan terhadap OKU sekaligus memberikan imej yang baik kepada Mahasiswa OKU. Secara keseluruhannya, sikap mahasiswa terhadap OKU adalah positif dan dipengaruhi oleh banyak faktor. Semua pihak perlu memainkan peranan supaya stigma negatif terhadap OKU dapat dikurangkan. Media sosial juga boleh digunakan sebagai platform penyebaran maklumat bagi meningkatkan kesedaran mengenai hak OKU.

Kajian ini mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa terhadap OKU. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Noordeyana dan Aqilah (2017). Dapatan kajian Noordeyana dan Aqilah (2017) melaporkan

bahawa terdapat hubungan yang negatif antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa terhadap OKU. Perbezaan dapatan ini disebabkan oleh garis masa antara kedua-dua kajian dengan perbezaan sebanyak tujuh tahun. Perbezaan dapat ini juga menunjukkan berlakunya perubahan positif mengenai sikap mahasiswa terhadap OKU. Dimana, mereka mula mempraktikkan dan membudayakan pengetahuan yang mereka ada mengenai OKU dalam kehidupan seharian.

Program sokongan yang berterusan dapat membantu mengubah persepsi negatif terhadap OKU. Program seperti bengkel, ceramah, dan program kolaborasi komuniti dapat meningkatkan pengetahuan mahasiswa dan membentuk sikap yang lebih inklusif. Ismail dan Yusof (2021) menyatakan bahawa program seperti ini bukan sahaja memberi manfaat kepada mahasiswa tetapi juga kepada OKU, kerana ia membuka ruang untuk interaksi dan pemahaman yang lebih mendalam. Selain itu, penyediaan fasiliti yang mesra OKU, seperti aksesibiliti fizikal dan teknologi bantu, adalah elemen penting dalam menyokong pendidikan inklusif. Pendedahan ini amat penting untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong keperluan pelajar OKU.

Kesimpulan

Tahap pengetahuan mahasiswa terhadap OKU memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk sikap yang lebih positif serta membantu menghapuskan persepsi negatif terhadap golongan ini. Pengetahuan yang mendalam mengenai isu-isu berkaitan OKU tidak hanya membantu mahasiswa memahami cabaran yang dihadapi oleh OKU, tetapi juga membina empati, rasa hormat, serta kesedaran yang lebih mendalam tentang keperluan sebenar OKU dalam kehidupan harian, sama ada dari segi akademik mahupun sosial. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa yang memiliki tahap pengetahuan yang tinggi cenderung untuk bersikap lebih terbuka, menerima kehadiran OKU dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu, mahasiswa perlu memperkasakan peranan mereka sebagai agen perubahan sosial, khususnya dalam advokasi hak OKU. Golongan mahasiswa merupakan pemimpin masa hadapan, dan usaha mereka untuk mempromosikan kesedaran mengenai OKU akan memberikan impak besar dalam mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif. Melalui advokasi yang lebih giat, mereka boleh membantu meningkatkan kefahaman dalam kalangan rakan sebaya serta mendidik masyarakat tentang pentingnya menyediakan peluang yang sama rata kepada semua individu tanpa mengira keupayaan fizikal atau mental. Ruang dan peluang yang lebih luas harus diberikan kepada golongan OKU untuk menonjolkan potensi serta kebolehan mereka kepada umum. Dengan pendekatan ini, masyarakat akan lebih menyedari bahawa golongan OKU bukanlah golongan yang memerlukan simpati, sebaliknya mereka berhak dihormati dan diiktiraf sebagai individu yang mampu bersaing serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain itu, pendedahan mengenai OKU perlu diterapkan sejak dari peringkat awal pendidikan supaya nilai-nilai empati dan penerimaan dapat dipupuk dengan lebih berkesan. Kanak-kanak yang mendapat pendedahan awal cenderung untuk membesar dengan sikap terbuka terhadap kepelbagaian manusia dan mampu menyokong golongan yang memerlukan bantuan tanpa prejudis. Program kesedaran di sekolah boleh memainkan peranan penting dalam memperkenalkan konsep kepelbagaian keupayaan manusia serta mendidik generasi muda tentang nilai kesamarataan dan hormat-menghormati. Pendekatan ini akan membentuk generasi yang lebih inklusif dan prihatin terhadap hak dan keperluan OKU. Pendedahan berterusan di semua peringkat, termasuk di universiti, boleh mengubah persepsi serta sikap

individu terhadap golongan OKU secara menyeluruh. Lebih penting lagi, pendedahan ini dapat membantu mewujudkan persekitaran yang lebih mesra OKU, di mana keperluan khas mereka dihormati dan diberi perhatian sewajarnya. Kesedaran dan penerimaan secara konsisten akan membantu mengurangkan diskriminasi dan stereotaip terhadap golongan OKU serta mendorong ke arah merealisasikan sebuah masyarakat inklusif yang menghormati kepelbagaian. Apabila persekitaran inklusif ini terwujud, mahasiswa bukan sahaja dapat berinteraksi dengan lebih baik, tetapi mereka juga akan membawa nilai ini ke dalam kehidupan selepas universiti, sekali gus menyumbang kepada transformasi masyarakat Malaysia ke arah lebih maju dan harmoni.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan, UKM yang telah memberikan geran (GG-2024-068) untuk penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdullah, H., & Ali, M. (2019). Persepsi Mahasiswa Terhadap Orang Kelainan Upaya di Institusi Pengajian Tinggi. *Journal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 15-30.
- Ahmad, A., Ramli, R. (2022). The role of inclusive education environments in fostering positive attitudes towards people with disabilities. *Education and Social Sciences Journal*, 8(4), 21- 34.
- Ahmad, N., & Tan, W. (2023). The Role of Higher Education in Promoting Disability Awareness among Students. *Journal of Inclusive Education Studies*, 15(3), 45-60.
- Ahmad, S., M. Zainal. (2024). Ensuring equal education rights for person with dissabilites: A policy review and implementation analysis. *Malaysian Journal of Education Policy*. 9(2), 35-50.
- Aizan, S. A. (2022). Penyisihan sosial terhadap orang kurang Upaya
- Amran, O., Shazlin, A. H., & Chang, P. K. 2021. Kesahan dan kebolehpercayaan instrument batas etnik di sekolah kebangsaan zon utara semenanjung Malaysia.
- Aziz, R. N., et al. (2021). Pengetahuan dan Kesedaran Mahasiswa Mengenai Hak OKU. *Jurnal Pendidikan Inklusif*, 5(1), 45-58.
- Azri, A. N. A., Mohd, N. R. & Nur Amira, S. B. (2018). Are we disabled among the disabled? Dissability awareness among University of Malaya students. *Journal of administrative Science*, 15 (1)
- Badri, R. N. F. R. Z., & Amin, A. S. (2018). Isu dan Cabaran Pelajar Kurang Upaya Penglihatan di Institusi Pengajian Tinggi (Issues and Challenges of Students with Visual Impairment at Higher Learning Institution). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3).
- Charmila K., Ahmad, A. M, S., Mohamad, A. Y., & Muhammad, M. A. Z. (2022). Adakah Penyediaan Kemudahan Awam untuk Orang Kurang Upaya di Malaysia Mencukupi? Satu Tinjauan Sosio-Perundangan Ringkas
- Darsini, F., & Eko, A. C. (2019). Pengetahuan; Artikel Review. *Jurnal Keperawatan*, 12(1)
- Ezlina, M. E., & Alice, S. I. (2020). Analisis kemudahan prasarana pelajar orang kurang Upaya di kolej komuniti. *Journal of Social Science Advance Research*, 1(2). 61-75.
- Fauziah, A., Rosman, M. Y., Zahrul, A. D., & Riki, R. (2021). Reka bentuk penyelidikan sains sosial.
- Fenny, F. M. S., Hafizhah, Z., & Shahlan, S. (2023). Kesahan dan kebolehpercayaan instrument kesedian GPI melaksanakan model tasmik j-Qaf secara dalam talian. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 7.
- Hafiz, I. (2024). Masyarakat tak faham limitasi OKU. *Harian Metro*. 10 Mac:24

- Hazlin, F. R., Wan Amizah, W. M., & Maizatul, H. M. (2017). Kesedaran Masyarakat terhadap isu kesamarataan hak orang kurang Upaya (OKU) melalui perspektif media di Malaysia.
- Hazlin, F. 2017. Realiti penerimaan Masyarakat terhadap orang kelainan Upaya dari perspektif media.
- Idris , M. A., Muhamad, H., & Ibrahim, R. Z. (2018). Metodologi Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Intan, F. A., Ramlee, I., & Khoo, Y. Y. (2023). Pengukuran kesahan dan kebolehpercayaan instrumen sikap dan minat dalam kalangan pelajar ekonomi Tingkatan Enam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1).
- Islam, M. R., Khan, N. A., & Baikady, R. (Eds.). (2022). Principles of social research methodology. Springer Nature
- Ismail, R., Hassan, N., & Rahim, A. (2023). Challenges and awareness of inclusive education among university students in Malaysia. *Journal of Special Education Research*. 12(1), 78-92.
- Ismail, S., & Yusof, H. (2021). Program Kesedaran OKU di Institusi Pengajian Tinggi: Keberkesanan dan Implikasi. *Journal of Social Science Research*, 3(2), 120-135.
- Ismail, S., & Yusof, H. (2021). Program Kesedaran OKU di Institusi Pengajian Tinggi: Keberkesanan dan Implikasi. *Journal of Social Science Research*, 3(2), 120-135.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2023). *Statistik Pendaftaran OKU : Jabatan Kebajikan Masyarakat*.
- Kamarudin, M.A., Abdullah, S., & Hashim, N. (2022). Awareness and perception towards person with dissabilites among university student in Malaysia. *Journal of Inclusive Education*. 15(2), 45-58.
- Khalil, N. D. M., Shaberi, M., Izhar, D. P. N., Rashid, A. M., & Rapini, A. M. (2022). Analisis isu-isu berkaitan hak dan permasalahan orang kurang upaya di Malaysia: satu sorotan literatur: analysis on issues related to rights and difficulties of people with disabilities in Malaysia: a literature review. *Journal of Muwafaqat*, 5(1), 33-51.
- KPM. (2019). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- KPM. Garis panduan pelaksanaan dasar inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pengajian Tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia
- KPT. 2022. Statistik orang kurang Upaya Malaysia. Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Lim, K. Y., & Wong, T. C. (2017). Menghapuskan Stigma Terhadap OKU: Satu Kajian di Malaysia. *Asian Journal of Social Policy*, 25(4): 210-222.
- Mahaizura, A. M. (2023). OKU di Malaysia. *Harian Metro*, 12 Disember 2023.
- Norsaadah, M. N., Hasliza, T., Siti Zaleha, I., & Aqilah, S. (2021). Kesedaran Sosial Terhadap Golongan Mahasiswa Kurang Upaya Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Nur Amirah, A. S., Asiah, A. R., & Nurul Aishah, A. B. (2022). Persepsi Orang Kurang Upaya (OKU) terhadap potensi perusahaan kecil dan keusahawanan dari rumah untuk aksesibiliti premis persendirian.
- Nur Ilham et.al. 2024. Isu dan cabaran pekerja orang kurang Upaya di Malaysia. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 3(1).
- Nur Syibran, H. S., Nozira, S., & Kamaruddin, S. (2022). Cabaran ibu bapa mengurus anak kurang Upaya: Sorotan literatur
- Nurul Izzah, M. K., & Siti Marziah, Z. (2023). Bantulah kami untuk rasa selamat: Cabaran mahasiswa OKU di Universiti Awam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 20 (1).

- Pandey, P., & Pandey, M. M. (2021). Research methodology tools and techniques. Bridge Center.
- Rahman, N.H.A., & Ismail, Z. (2023). Understanding the diversity of people with disabilities: a study among higher education students. *Malaysian Journal of Disability Studies*, 7(1): 89-104.
- Rensis, L. (1932). A Technique for the Measurement of Attitudes. *Archives of Psychology*, 140: 1–55.
- Rosli, H. F., Othman, N., & Othman, N. (2021). Keciciran pelajar di peringkat Pendidikan tinggi: punca dan penyelesaiannya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1): 738-747.
- Schober, P., C., & Schwarte, L. A. (2018). Correlation coefficients: appropriate use and interpretation. *Anesthesia & Analgesia*, 126 (5): 1763-1768.
- Shah, N., Ahmad, Z., & Tan, L. (2022). Improving university students awareness and attitudes towards disability through education and media. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 42(1): 28-39
- Tambi, N.e., & Hazan, N.A. (2017). Hubungan antara pengetahuan dan sikap mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap golongan orang kurang Upaya.
- Teo, H.T., Lee, L. H., & Ong, K. S. (2021). The role of inclusive education in shaping student's attitudes towards disability. *International Journal of Special Education*, 36(1): 98-110
- Tschannen-Moran, M., & Gareis, C. R. (2004). Principals' sense of efficacy: assessing a promising construct. *Educational Administration Quarterly*, 40(4): 573-594.
- World Health Organization. 2023. *Disability*.
- Zainora, M., Nursyafiqah, A. A., Nurul Iman, Mohd, L., Norliza, M. F., Mohd Harimi, A. R., & Nor Haniza, A. (2021). Pengalaman mencari pekerjaan dan bekerja dalam kalangan orang kurang Upaya di Lembah Klang. *The Malaysian Journal of Social Administration*.
- Zainuddin, Z., & Muhammad, S. (2019). Knowledge and attitudes towards disability among university students in Malaysia. *Disability & Society*, 34(1): 112-130